



**FACULTY OF LIBERAL ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**  
 Semester & Year : September - December 2016  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

---

### PEMAHAMAN TEKS

Petikan (i)

#### Pencemaran Sungai Harus Ditangani Segera

**KUALA LUMPUR:** Minggu lalu sebahagian pengguna di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual. Ia berikutan pengurangan bekalan air terawat oleh loji rawatan air Sungai Semenyih. Pengurangan berpunca kewujudan manganese dan ammonia yang mencatat tahap keasidan yang rendah dan melebihi piawaian.

Menurut Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal-Ehwal Awam, (Syabas), Priscilla Alfred, kesemua wilayah terlibat telah pulih sepenuhnya pada Khamis. Katanya operasi rawatan air di loji tersebut diketuai Lembaga Urus Air Selangor (Luas) bersama Syarikat Konsortium Abass Sdn Bhd (Abass). Pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan dengan menutup operasi kilang yang dipercayai mengalirkan sisa buangan tersebut ke Sungai Semenyih. Luas dan JAS akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pengusaha industri sekiranya didapati menyumbang kepada pencemaran di masa akan datang.

(Sumber: <http://www.astroawani.com>: 20 Februari 2015)

1. Senaraikan kawasan yang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual. **(2 markah)**
2. Apakah punca yang menyebabkan berlakunya gangguan air tidak berjadual? **(2 markah)**
3. Namakan jabatan atau organisasi yang terlibat dalam menangani masalah gangguan air tidak berjadual. **(2 markah)**
4. Apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah yang dihadapi? **(2 markah)**
5. Apakah langkah akan datang sekiranya gangguan air berulang pada masa hadapan? **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

**“Negeri Cinta”  
Nahmar Jamli**

Alam adalah sebahagian daripada kita  
alam adalah syurga bumi  
cinta kepadanya cinta jutaan bunga-bunga  
cinta kepadanya cinta jutaan jiwa manusiawi.

Di sanalah negeri tercantik  
negeri terlindung di luar penglihatan  
negeri kerinduan, negeri penghijrahan  
dari buruan kehidupan yang mencekik.

Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran  
ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan  
ini langit kita, lindungilah dari keracunan  
ini sungai kita, lindungilah dari pembuangan.

Malaysia negeri alam dunia sebelah sini  
negeri impian, negeri gemerlapan  
lindungilah dari keganasan-keganasan modenisasi  
negeri cinta, negeri budaya, negeri perpaduan.

1. Apakah tema dan persoalan yang ingin ditampilkan oleh penyajak? **(2 markah)**
2. Berikan definisi rangka keempat dalam sajak “Negeri Cinta”. **(2 markah)**
3. Berikan tiga (3) gaya bahasa berserta contoh yang ditampilkan dalam sajak “Negeri Cinta”. **(6 markah)**

## TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Sila isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.
- i. Sarimah tinggal \_\_\_\_\_ rumah yang usang.
  - ii. Emak menyuruh saya pergi \_\_\_\_\_ kedai untuk membeli santan.
  - iii. \_\_\_\_\_ waktu dahulu, rakyat Malaysia hidup susah.
  - iv. Beg tangan ini diperbuat \_\_\_\_\_ kulit buaya.
  - v. Salmah berasal \_\_\_\_\_ negeri Selangor.
  - vi. Buku itu dihadiahkan \_\_\_\_\_ adiknya.
  - vii. Derma \_\_\_\_\_ anak-anak yatim akan dipungut.
  - viii. Kami bersatu \_\_\_\_\_ kesejahteraan negara.
  - ix. Mereka berjaga-jaga \_\_\_\_\_ subuh lagi.
  - x. Mak Itam sangat sayang \_\_\_\_\_ anak-anaknya.

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- i) Kemajuan dan modernisasi telah bidang berkomunikasi telah menghasilkan penciptaan alat hubungan untuk kemudahan manusia sejagat.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- ii) Wakil Rakyat di kawasan pendalaman itu telah mensyorkan pembinaan sebuah stesen jana kuasa kecil di situ.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

iii) Ketua sendiket pemalsuan kad kredit telah diberkaskan oleh pihak polis dalam serbuan semalam.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

iv) Kenaikkan harga barang sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa agar tidak membebankan gulungan berpendapatan rendah.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

v) Kerajaan sudah melulus undang-undang yang membenarkan pegawai penguat kuasa menahan individu yang berkelakuan tidak bermoral.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2**  
**ARAHAN**

**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Industri pelancongan Malaysia merekodkan purata kemasukan pelancong asing sebanyak 2 juta setahun. Oleh itu, terdapat pelbagai usaha yang dapat dilakukan untuk meningkatkan industri pelancongan di Malaysia. Bincangkan usaha-usah meningkatkan industri pelancongan di Malaysia.
  
2. Huraikan peranan lima (5) badan atau individu di bawah dalam membantu meningkatkan taraf kedudukan bahasa Melayu di pentas antarabangsa.
  - i. Dewan Bahasa dan Pustaka
  - ii. pendidik
  - iii. mahasiswa
  - iv. pengamal media dan
  - v. penggiat sektor swasta
  
3. Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh ahli keluarga untuk memupuk sikap berjimat cermat.

**(30 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**